

Jakmas Non-Resident UMS adakan lawatan interaksi di UiTM dan USM

UB 8.6.2017 A27

KOTA KINABALU: Jakmas Non-Resident menganjurkan satu Lawatan Interaksi Jakmas di UiTM Shah Alam dan USM Pulau Pinang.

Program Lawatan Interaksi Jakmas Non-Resident di UiTM Shah Alam dan USM Pulau Pinang itu adalah program kedua Exco Perhubungan Korporat, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Non-Resident (NR), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program itu dijalankan selama empat hari bertempat di UiTM Shah Alam dan USM Pulau Pinang bagi mengumpul maklumat dan pengetahuan yang berguna untuk kegunaan di masa hadapan.

Antara tujuan program adalah untuk menghasilkan satu interaksi dan dialog persefahaman bersama pihak UiTM Shah Alam dan USM dalam isu-isu pengurusan dan organisasi di samping

memberikan pendedahan kepada pelajar UMS mengenai perkembangan dan perbandingan dengan pelajar di UiTM Shah Alam dan USM dari segenap lapisan aspek.

Program empat hari itu mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelajar UiTM dan USM, kakitangan UiTM dan USM serta orang awam.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, program itu memberikan peluang kepada pelajar UMS untuk berinteraksi dan berkongsi ilmu dan pengalaman bersama mahasiswa universiti lain mengenai cabaran yang dihadapi oleh pelajar Non-Resident.

Lawatan itu juga dapat menjadi platform yang baik bagi peserta program, baik kakitangan UMS mahupun mahasiswa Jakmas Non-Resident (NR) untuk

berinteraksi dan bertukar pandangan mengenai budaya kerja serta corak pembelajaran mahasiswa di universiti lain.

Bukan itu sahaja, lawatan itu juga dapat mempromosikan UMS, terutama sekali Jabatan Hal Ehwal Pelajar kepada pelajar dari negeri lain.

Selama empat hari tiga malam berkampung di UiTM dan USM, banyak maklum balas yang positif daripada pelajar, kakitangan UiTM dan USM.

Antara maklum balas yang diterima ialah para pelajar di UiTM dan USM khususnya, ramai adalah pelajar luar kampus atau pelajar yang tidak menghuni dalam asrama. Di UiTM Shah Alam, mereka mempunyai sebuah pusat Non-Resident sendiri yang digelar Kompleks Prima Siswa dan ditadbir oleh staf-staf UITM sendiri.

Manakala di USM Pulau Pinang, mereka mempunyai

pertubuhan pelajar tanpsa asrama iaitu Petas yang mana berperanan sama dengan Jakmas NR di UMS.

Sepanjang pelaksanaan program itu, antara perkara yang diberi penekanan ialah berkongsi pengalaman

bersama jawatankuasa pengurusan luar kampus di UiTM Shah Alam dan USM Pulau Pinang dalam usaha

merapatkan hubungan melalui kerjasama aktiviti suai mesra bersama staf pentadbiran dan para pelajar.



JAKMAS NR UMS bergambar di Prima Siswa UITM.